

05 MAY 1997

Mahathir-Afrika

MAHATHIR JADI TUMPUAN PEMIMPIN-PEMIMPIN AFRIKA

Oleh: E. Sivabalan

KASANE (BOTSWANA), 5 Mei (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Afrika, yang buat pertama kalinya berhimpun di sini untuk merangka strategi-strategi bersama bagi menjadikan rantau ini sebagai gergasi ekonomi, hari ini didedahkan kepada resipi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mentadbir sesebuah negara.

Sambil berkongsi pengalaman luas dan kejayaan Malaysia, Perdana Menteri memberitahu para pemimpin itu bahawa mereka perlu menetapkan matlamat dan strategi dengan jelas serta melaksanakannya secara berperingkat-peringkat jika mereka mahu menjadi seperti "harimau" Asean atau dalam hubungan ini sebagai "singa".

Dr Mahathir, yang diberi penghormatan menjadi satu-satunya pemimpin bukan Afrika menyertai Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) yang pertama, memberitahu mereka bahawa Malaysia telah mencapai apa yang ia ada hari ini kerana perancangan jangka panjang dan penuh berhati-hati.

Perdana Menteri berada di Botswana untuk lawatan rasmi lima hari.

Antara tujuh pemimpin Afrika yang menghadiri dialog itu yang diadakan di bandar safari ini, terletak kira-kira 1,300 km di utara Gaborone, ibu negara, ialah Presiden Botswana Sir Ketumile Masire, Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Malawi Dr Bakili Muluzi, Presiden Namibia Dr Samuel Nujoma dan Presiden Ghana Jerry Rawlings, yang semuanya mempunyai hubungan rapat dengan Dr Mahathir.

Mesyuarat itu juga dihadiri oleh wakil-wakil kanan Angola, Lesotho, Mauritius, Mozambique, Afrika Selatan, Swaziland, Tanzania dan Zambia.

Menurut Pengerusi Perkongsian Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM) Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, sebagai pengerusi penganjur bersama dialog itu, Perdana Menteri memberi penjelasan kepada para pemimpin itu bagaimana pelbagai strategi ekonomi sesebuah negara dilaksanakan.

Pertama, negara perlu mewujudkan iklim yang betul dan kondusif untuk pelabur asing seperti mengadakan infrastruktur yang sempurna dan insentif cukai sewajarnya serta mempunyai kestabilan politik.

Kedua, selepas semua pelaburan diperolehi, mereka harus memastikan rakyat mendapat faedah daripadanya seperti kewujudan pekerjaan dan sebagainya.

Dan ketiga, apabila mereka telah mencapai semua "keperluan" itu, mereka kemudian harus mendapatkan pendekatan seimbang dalam pembangunan ekonomi mereka dengan mengambil kira alam sekitar, kebudayaan, nilai-nilai sistem dan sebagainya.

"Malaysia berada di peringkat ketiga sekarang," kata Dr Omar ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia mengenai apa yang diberitahu Perdana Menteri kepada para pemimpin itu semasa sesi tertutup khas mereka semalam.

Beliau berkata para pemimpin Afrika itu berkongsi pelbagai pengalaman berbeza mereka dan bertukar-tukar pendapat walaupun sebelum ini terdapat banyak konfrontasi dan konflik di antara mereka.

Tajuk-tajuk perbincangan termasuk bagaimana projek-projek penswastaan yang diusulkan di banyak negara selatan Afrika boleh menjadi pelaksana program-program pembangunan kebangsaan.

"Mereka juga bercakap mengenai penglibatan masyarakat kulit hitam dalam projek-projek penswastaan, yang disebut oleh Mugabe sebagai pengambilan balik kuasa oleh kulit hitam," katanya.

Mugabe, kata Dr Omar, mahu mengetahui bagaimana mewujudkan situasi yang

menguntungkan kedua-dua belah pihak antara kulit hitam dan kulit putih yang menguasai ekonomi di Zimbabwe (dan di kebanyakan negara Afrika).

Tema dialog itu, yang dirujuk sebagai forum perniagaan dan akan berakhir pada 7 Mei, ialah "Perkongsian Pintar bagi Generasi Kekayaan di Selatan Afrika".

-- BERNAMA

ES NAK AHH